

Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK): Strategi Pengajaran Guru dalam Kemahiran Menulis

Integration of Collaborative Learning Model: Teacher Teaching Strategies in Writing Skills

VIJAYALETCHUMY SUBRAMANIAM, RICHARD IGNACY, RAHMAH AHMAD H.OSMAN & SALMAH JAN NOOR
MUHAMMAD

ABSTRAK

Pengembangan kemahiran menulis dalam kalangan murid menjadi gendala disebabkan oleh faktor kelemahan murid dalam menangani kaedah penulisan yang berkesan. Selain itu, proses pengajaran guru juga didapati masih mengekalkan kaedah lama yang seharusnya diubah mengikut rentak pendidikan zaman kini. Perubahan dalam dunia pendidikan menuntut setiap pendidik menggunakan pelbagai kaedah, strategi dan inovasi dalam memantapkan pengajaran di dalam bilik darjah agar terus membina generasi muda yang meyakini alam pekerjaan dewasa nanti. Kajian ini menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP) yang mencakupi tiga fasa. Kertas penyelidikan ini memfokuskan fasa kedua iaitu membangunkan kerangka konseptual baharu berpandukan integrasi model pembelajaran kolaboratif dan rangka kerja GRRF sebagai panduan melaksanakan kajian. Pembangunan kerangka konseptual yang baharu, iaitu Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK) ini dapat menjadi pedoman dan amalan kepada warga pendidik subjek Bahasa Melayu dalam menentengahkan cadangan PdPc yang menarik dan efektif. 20 orang pakar telah menunjukkan persetujuan terhadap pembangunan Model MoPIK ini dengan nilai peratusan kesepakatan sebanyak 85%. Proses pengajaran guru dan pembelajaran di dalam bilik darjah akan menjadi bermakna sekiranya guru menanggapi dan menyedari hakikat bahawa kemahiran menulis boleh dilentur melalui kaedah penulisan baharu (Kaedah UMIBaKaP) yang diterapkan kepada murid di samping penggunaan bahan bantu mengajar (Fail QR KFC RIMa²Na PPK) dijadikan pendekatan yang baik untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis bahasa Melayu.

Kata kunci: Fail QR KFC RIMa²Na PPK; Kaedah UMIBaKaP; MoPIK

ABSTRACT

The development of writing skills among students becomes an obstacle due to the weakness of students in dealing with effective writing methods. In addition, the teacher's teaching process was also found to still maintain old methods that should be changed according to the current pace of education. Changes in the world of education require every educator to use a variety of methods, strategies and innovations in strengthening teaching in the classroom in order to continue to build a young generation that is confident in their future carrier. This study uses a Design and Development (DDR) approach that uses three phases in this research. This research paper focuses on the second phase, which is to develop a collaborative learning model and the GRRF framework as a guide for carrying out the study. The development of a new conceptual framework, is known as Collaborative Integration Learning Model (MoPIK) can be a guideline for Malay language subject educators in highlighting interesting and effective teaching and learning process. 20 experts have shown agreement on the development of this MoPIK Model with the percentage of 85%. The process of teacher's teaching and learning in the classroom will be meaningful if teachers respond and realize the fact that writing skills can be flexed through a new writing method (UMIBaKaP method) that is applied to students in addition to the use of teaching aids (KFC RIMa²Na PPK QR File) as an approach which is good to help students improve their Malay writing skills.

Keywords: Fail QR KFC RIMa²Na PPK; UMIBaKaP Method; MoPIK

PENGENALAN

Pandangan Raofi, Binandeh & Rahmani (2017) bahawa kemahiran menulis dianggap sebagai proses penyampaian idea dan ilmu murid melalui penghasilan karangan dalam sesuatu pentaksiran di sekolah. Cetusan idea disampaikan secara naratif atau melalui pemindahan maklumat ke dalam konteks penghujahan. Jika dilihat dari perspektif yang lain pula, Norliza Jamaluddin (2023) dan Dahlia Janan (2023) berpandangan bahawa, aktiviti menulis merupakan proses semula jadi yang membolehkan setiap manusia dapat berkomunikasi menggunakan bahasa tersebut selain merangsang minat untuk menguasai ilmu dalam bahasa tersebut. Sementara itu, setiap murid pula digalakkan untuk menulis dengan cara meluahkan idea, perasaan dan pengalaman. Memetik pandangan Myles (2002) pula, murid-murid mengalami kesukaran dalam aspek kemahiran menulis kerana elemen ini dianggap kompleks dan tidak hanya melibatkan penulisan berbentuk fakta semata-mata. Sehubungan dengan itu, kemahiran menulis ini menuntut setiap murid untuk meluahkan idea masing-masing dan seterusnya memastikan pengolohan ayat berlaku dengan serentak. Dalam hal ini, para murid hendaklah berwaspada terhadap gaya penulisan mereka yang berkemungkinan besar berlaku kesalahan aspek tatabahasa yang turut bergantung terhadap tahap pencapaian seseorang dalam aspek bahasa (Wan Khairunnisa dan Zarina 2021).

Apabila memikirkan kepentingan kemahiran menulis, sebaik-baiknya ia dikuasai oleh setiap murid sejak sekolah rendah lagi agar kreativiti dan kualiti penulisan berkembang. Oleh yang demikian, setiap murid seharusnya meningkatkan keupayaan mereka dalam aspek penulisan ini agar dapat memastikan potensi besar memiliki peluang pekerjaan yang tinggi setelah tamat pengajian pada peringkat universiti. Aspek penulisan yang efektif dilihat penting dalam dunia perniagaan manakala dalam bidang profesional pula, kemahiran menulis dianggap sebagai bakat penting. Maka, amatlah benar bahawasanya, penulisan yang berkualiti membolehkan setiap murid dapat berkomunikasi sejagat dan menerima informasi dari pelbagai sudut (Weigle 2007; Suryasa et al. 2019). Asmuti (2002) pula memberikan penekanan bahawa bakat dalam kemahiran menulis membolehkan setiap pengarang dapat meluahkan pemikiran dan menyusun idea

secara sistematik. Oleh itu, amatlah mustahak bahawa, seseorang murid dapat mengembangkan potensi dalam aspek penulisan ini dengan cara menguasai perbendaharaan kata, ungkapan menarik dan aspek tatabahasa.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kemahiran menulis merupakan elemen terpenting dan diletakkan pada kedudukan yang tertinggi. Kurikulum baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kurikulum Standard Sekolah Malaysia, (KSSM 2018) yang meletakkan standard prestasi kemahiran menulis (Tahap 6, Cemerlang) iaitu, murid dapat mencapai pada tahap tekal, terperinci dan menunjukkan teladan apabila dapat menulis rangkaian kata, mengolah ayat, menyatakan pendapat, membuat ramalan, menyempurnakan maklumat dan hasil penulisan yang sempurna di samping mampu membuat pengolohan daripada kepelbagaian sumber, analisis kesalahan bahasa dengan tepat, memastikan kegramatisan ayat dan menepati konteks (KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 2018). Potensi penulisan dalam kalangan murid terus berkembang sehingga ke tingkatan lima dan ditetapkan standard prestasi yang muktamad untuk dicapai pada Tahap 6 (Cemerlang) yakni mencapai tahap secara konsisten, terperinci dan menjadi teladan apabila setiap murid mampu untuk menghasilkan pengolohan ayat daripada pelbagai sumber atau berdasarkan pendapat, meramal, menulis secara lengkap, dapat melakukan analisis kesalahan bahasa, dan menghasilkan ayat yang gramatis dan menepati konteks (KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 5 2018).

Apabila melaksanakan proses pengajaran di dalam bilik darjah, guru dikatakan tidak prihatin terhadap pemilihan strategi dan menyesuaikan aktiviti di samping membataskan pelibatan murid dalam pembelajaran sungguhpun bahan bantu mengajar digunakan (Abdul Rasid Jamian 2023). Dalam situasi yang berbeza pula, ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), guru-guru mempunyai cabaran besar dalam melaksanakan aktiviti pengajaran terutamanya mengajar kemahiran menulis dengan menggunakan aplikasi dalam talian (Subramaniam et al. 2023). Menurut Dahlia Janan (2023) pula, guru boleh menggunakan pelbagai strategi dalam proses pengajaran di bilik darjah seperti pendekatan bilik darjah flip atau berbalik, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran koperatif dan penyepaduan mekanisme permainan

(*gamification*). Menurutny lagi, guru tidak akan berjaya dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seandainya tiada perancangan strategi yang efektif khususnya dalam menyedari realiti seseorang murid dan peranannya dalam sistem ekologi. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa, guru seharusnya menyedari bahawa strategi yang berkesan dalam pelaksanaan PdP yang berkesan bergantung pada kaedah, strategi dan pendekatan yang dapat menunaikan keperluan murid dalam bilik darjah.

PERNYATAAN MASALAH

Kebimbangan terhadap prestasi murid dalam SPM terutamanya dalam subjek Bahasa Melayu menjadi semakin serius. Hal ini dikatakan demikian kerana, trend murid-murid gagal dalam subjek teras ini menampakkan satu kerugian dalam arus pendidikan kebangsaan. Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan calon gagal dalam subjek Bahasa Melayu dalam SPM bagi lima tahun (2017-2021).

JADUAL 1. Bilangan Calon Gagal dalam Subjek Bahasa Melayu SPM

Tahun	Jumlah Calon SPM	Peratusan Gagal	Jumlah Calon SPM Gagal
2017	413, 985	6.6%	27, 328
2018	390, 708	6.6%	25, 787
2019	388, 532	5.9%	22, 535
2020	381, 129	6.1%	23, 249
2021	382, 156	3.2%	12,229
		Jumlah	111,128

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2022-2018)

Berdasarkan jadual tersebut, bilangan murid gagal dalam subjek BM telah melebihi 100,000 bagi tempoh lima tahun tersebut. Hal ini bermakna ratusan ribu murid tidak berjaya mendapat sijil pada peringkat SPM. Walaupun bilangan gagal murid didapati menurun setiap tahun, namun persoalannya tetap timbul iaitu apakah murid yang gagal ini mengulang semula subjek Bahasa Melayu? Berapa ramai murid yang gagal dalam subjek Bahasa Melayu meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi? Perkara lain yang turut mengundang pelbagai persoalan iaitu, “ke manakah hala tuju murid-murid ini dalam memenuhi pasaran kerjaya nanti?”

Memetik pandangan Anuar Ahmad dalam Riya Diyana (2023) bahawa, kira-kira 140, 474 calon murid SPM tidak mendapat sijil apabila gagal dalam subjek Bahasa Melayu dan Sejarah dalam tempoh 2019 hingga 2021. Menurut para pakar pendidikan negara, kelemahan murid dari aspek membaca dan menulis telah menjejaskan prestasi peringkat SPM yang perlu diatasi di sekolah rendah lagi. Impak kegagalan murid dalam SPM kepada mereka secara asasnya menjejaskan masa depan selain hilang motivasi untuk memajukan diri dalam kehidupan. Hal ini sudah tentunya satu kerugian besar kepada negara untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan.

Apabila dilihat secara rinci, purata murid mendapat kepujian dalam subjek BM ini dilihat masih dalam lingkungan yang sama. Perkara ini didapati jauh tersasar mengikut hasrat dan matlamat KPM mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (2013-2025) yang meletakkan sasaran sebanyak 90% murid mencapai kredit dalam mata pelajaran BM SPM. Jadual 2 di bawah dapat dilihat secara jelas peratus pencapaian murid yang mendapat gred kepujian iaitu B+, B, C+ atau C pada peringkat SPM.

JADUAL 2. Peratusan Calon Mendapat Kejujian (Gred B+,B, C+, C) dalam Subjek BM SPM

Tahun	Peratus
2017	44.0%
2018	44.1%
2019	44.8%
2020	46.5%
2021	47.6%

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2022-2018

Menurut Laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (2017-2019), prestasi murid dalam peperiksaan SPM pada peringkat kebangsaan ternyata memperlihatkan kelemahan murid dari aspek kemahiran menulis. Antaranya, struktur ayat

yang kabur, idea kurang tepat, huraian idea tidak jitu, kurang kemahiran menghubungkan kait idea antara perenggan, murid sukar untuk menyusun idea secara sistematik dan kurangnya penggunaan variasi bahasa. Hal ini turut dijelaskan dalam pelbagai penyelidikan berhubung permasalahan murid dari aspek penulisan karangan. Contohnya, dalam konteks permasalahan murid dan guru, Suhana dan Jamaludin (2021) berpendapat terdapat segelintir murid yang hanya mahu mencapai tahap minimum (lulus) dalam peperiksaan dan bukannya mahu menguasai aspek bahasa terutamanya kemahiran menulis. Para guru pula didapati mengalami kesukaran dalam memikirkan teknik penulisan karangan yang berkesan kepada murid.

Kajian Wan Muna (2021) pula mendapati, murid-murid menghadapi masalah dalam penulisan terutamanya menghuraikan idea, penulisan yang kurang baik dari aspek kesinambungan huraian, dan contoh diberikan pula kurang sesuai. Selain itu, kajian Ugartini et al. (2021) turut mendapati percakapan murid dalam kehidupan seharian mempengaruhi kemahiran menulis khususnya murid bukan penutur jati sehingga menimbulkan kesalahan dari aspek morfologi dan sintaksis seperti kesalahan ejaan, perkataan, frasa dan ayat. Sementara itu, masalah dalam penulisan karangan berlaku dalam kalangan murid bukan penutur jati khususnya murid berketurunan Cina (Zulkifli et al. 2022) masih berlaku hingga kini walaupun pelbagai kajian dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Perkara ini turut disokong dalam kajian yang dijalankan oleh para sarjana yang terkini dan sebelumnya seperti Aman Shah et al. (2021), Nora Azian (2020), Kusom & Zulkifli (2018), Nur Eliani & Che Ibrahim (2017), Hasanah (2016) dan Yong dan Vijayaletchumy (2012).

Dari sudut yang berbeza pula, masalah timbul dalam kemahiran menulis apabila para guru menerapkan kaedah hafalan dalam penulisan. Isi-isi karangan dirangka untuk dihafal oleh setiap murid akibat kekurangan keyakinan guru terhadap kemampuan murid dari aspek kemahiran berfikir. Pendekatan guru yang konvensional turut mencetuskan rasa kebosanan dalam bilik darjah (Chew Fong Peng & Nur Atikah 2020; Aimi Hafizah 2017; Zamri 2014). Kajian Andrew et al., (2019) pula melihat permasalahan guru yang sekadar mahu menghabiskan sukatan pelajaran dan berorientasikan peperiksaan yang tidak memberikan penekanan terhadap penguasaan kemahiran menulis murid.

Keseluruhannya, masalah dalam kemahiran menulis dapat dilihat dari konteks guru dan murid. Permasalahan murid dari aspek penulisan masih ketara berlaku walaupun pelbagai kajian demi kajian dilakukan di samping penerapan pelbagai kaedah dan strategi pengajaran guru. Masih terdapat murid yang gagal menguasai format penulisan karangan, penyampaian idea yang kurang sesuai, struktur ayat yang lemah, tiada kesinambungan ayat, penggunaan contoh yang lemah, ketidakseimbangan aspek perenggan dalam karangan, kurangnya penggunaan penanda wacana, tiada variasi bahasa, kurangnya penyisipan ungkapan menarik dalam karangan, penggunaan kosa kata, frasa, imbuhan, tanda baca, noktah dan ejaan yang kurang tepat (Siti Rahayu v Shahril 2020; Anne dan Saidatul 2020; Amirra & Vijayaletchumy 2019; Lembaga Peperiksaan Malaysia 2017; Yusfaiza dan Mohd Ishah 2012) dan pengaruh bahasa ibunda (penutur bahasa kedua) dalam penulisan ayat (Anne dan Saidatul 2020; Suthanthiradevi 2006; Norsimah et al. 2012; Mahendran dan Karthegees 2014). Dari aspek strategi pengajaran guru pula, kaedah tradisional cakap dan tulis (*chalk and talk*) masih leluasa dalam kalangan guru di samping tiada penggunaan kaedah penulisan yang efektif dalam pengajaran kemahiran menulis terutamanya karangan (Suhana dan Jamaludin 2021; Roselan Baki 2003; Haris 2002). Guru hanya bergantung pada karangan contoh, penerapan kaedah hafalan dan kurangnya penggunaan bahan bantu mengajar mengikut PAK abad ke-21 (Zamri 2014; Chew 2016).

Sehubungan itu, guru-guru haruslah menyedari kepentingan aspek penulisan terutamanya dalam menghasilkan karangan pada peringkat SPM kelak. Keadaan ini sudah tentunya menjadi satu aral kepada warga guru kerana tahap pencapaian murid-murid yang berbeza dan perlu disesuaikan melalui kaedah penulisan yang berkesan. Sesungguhnya, kaedah penulisan yang cemerlang dan matang di samping penyesuaian bahan bantu pengajaran yang menarik perlu diberikan penekanan oleh setiap guru agar murid-murid dapat mencapai standard prestasi seperti yang dihasratkan oleh KPM. Oleh yang demikian, pendedahan terhadap kaedah penulisan yang cemerlang dan matang (Kaedah UMIBaKaP) di samping penggunaan bahan bantu mengajar (Fail QR KFC RIMa²Na PAPK) mengikut Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) dapat membantu murid meningkatkan kemahiran menulis di sekolah. Sebaik-baiknya, guru-guru juga seharusnya menggunakan strategi

pengajaran yang berkesan dengan menggunakan Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK) sebagai panduan dalam melaksanakan proses PdPc yang sistematik. Berlandaskan permasalahan kajian yang diungkitkan, maka kajian ini bertujuan untuk membangunkan kerangka konseptual baharu yang dikenali sebagai Model MoPIK sebagai panduan dan strategi pelaksanaan PdPc yang berkesan.

METODOLOGI

Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP) diimplementasikan dalam kajian ini. Kajian PRP ini lazimnya mencakupi tiga fasa, iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, dan Fasa Penilaian Keberkesanan (Richey dan Klein 2007). Dalam konteks kajian ini, pengkaji memfokuskan Fasa Kedua (Reka Bentuk dan Pembangunan) iaitu membangunkan Model MoPIK sebagai panduan dan strategi guru dalam melaksanakan PdPc yang efektif dalam Fasa Kedua. Untuk melaksanakan pengajaran penulisan karangan, pengkaji memperkenalkan integrasi model pembelajaran kolaboratif dan rangka kerja GRRF dengan membangunkan model baharu yang dikenali sebagai Model MoPIK sebagai panduan kepada guru bagi memastikan proses PdPc dilaksanakan dengan menarik dan berkesan. Oleh yang demikian, kerangka konseptual MoPIK yang baharu ini wajar diketengahkan sebagai amalan dan strategi pengajaran yang efektif oleh guru.

LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian yang dipilih melibatkan Daerah Kerian, Perak. Sebanyak dua buah sekolah menengah harian ditetapkan sebelum memulakan kajian sebenar. Kajian rintis yang dijalankan di dua buah sekolah ini berstatus luar bandar. Persampelan yang dipilih menerusi dua lokasi tersebut mewakili populasi kajian di negeri Perak. Lokasi kajian ini dipilih kerana mempunyai latar demografi yang berbeza termasuklah murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

POPULASI, PERSAMPELAN DAN RESPONDEN KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini secara sistematik dalam fasa kedua, seramai 20 orang pakar dipilih sebagai sampel kajian. Pakar yang dimaksudkan merupakan guru cemerlang, guru yang berpengalaman mengajar melebihi 15 tahun,

pegawai SISC+ Bahasa, pegawai kurikulum, pensyarah IPG dan pensyarah IPTA dalam bidang bahasa Melayu. Bahagian pembangunan Model MoPIK ini akan dimurnikan setelah melalui tapisan dan persepakatan daripada 20 orang pakar yang dilantik.

ALAT KAJIAN

Dalam Fasa Pertama, kajian rintis yang dijalankan menggunakan tiga kaedah termasuklah analisis dokumen (hasil penulisan karangan), pemerhatian dan temu bual tidak berstruktur. Manakala Fasa Kedua pula menggunakan Teknik Fuzzy Delphi bagi mendapatkan kesepakatan daripada 20 orang pakar. Model MoPIK dibangunkan dalam Fasa Kedua dilihat kepentingannya sebagai penyelesaian kepada guru-guru untuk merancang PdPc yang kreatif seiring dengan perkembangan pendidikan abad ke-21. Integrasi model pembelajaran kolaboratif dan rangka kerja GRRF ini dirincikan dari aspek konsep dan keperluannya dalam melaksanakan pengajaran kaedah UMIBaKaP dan Fail QR KFC RIMa²Na PAPP melalui Model MoPIK dalam bahagian dapatan dan perbincangan

PROSEDUR KAJIAN

Kajian PRP melalui beberapa fasa dan dilaksanakan secara berperingkat. Setelah menganalisis keperluan kajian, pengkaji melakukan proses seterusnya membangunkan Model MoPIK bagi melaksanakan kaedah UMIBaKaP dan Fail QR KFC RIMa²Na PAPP dalam Fasa Kedua untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Model MoPIK yang dibangunkan ini merupakan kerangka konseptual baharu sebagai panduan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah UMIBaKaP dan bahan bantu mengajar Fail QR KFC RIMa²Na PAPP dalam penulisan karangan murid.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Dalam kajian ini, kesahan adalah meliputi kesahan instrumen dan kesahan prototaip model. Kesahan instrumen adalah meliputi kesahan instrumen soal selidik Teknik *Fuzzy Delphi*. Instrumen soal selidik dalam kajian ini merupakan instrumen yang menggunakan 7 skala *Fuzzy*. Penggunaan pakar yang sama digunakan untuk menilai kesahan instrumen tersebut. Sekumpulan pakar rujuk (*expert judgement*) digunakan bagi membuktikan ketepatan kandungan item ketika menilai instrumen.

Pengkaji telah melantik empat orang pakar untuk mengesahkan instrumen kajian. Empat panel pakar adalah merujuk kepada pakar penilaian item dari Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Institut Pendidikan Guru. Panel pakar ini telah membuat kesahan instrumen soal selidik dalam fasa analisis keperluan dan Teknik *Fuzzy Delphi* dalam fasa reka bentuk model. Hasil daripada pengesahan instrumen yang dibuat menunjukkan pakar bersetuju dengan pemilihan komponen dan elemen yang sesuai dengan kajian. Pakar juga menyatakan bahasa yang digunakan adalah sesuai dalam konteks kajian dan mudah difahami. Komponen dan elemen utama yang digunakan dalam model juga menepati dan mengikut kriteria yang diperlukan. Kaedah dan pendekatan yang dilaksanakan dalam kursus yang dikaji juga dilihat memenuhi kriteria yang diperlukan.

Model Pembelajaran Kolaboratif

Davidson dan Howell (2014) menyatakan bahawa pembelajaran kolaboratif bukan hanya memberikan penekanan terhadap murid yang bekerjasama dalam sesuatu kumpulan, malah turut mengutamakan kerjasama antara kumpulan pendidik dalam memastikan perkembangan dari aspek pengetahuan sekali gus membuat perubahan sifat autonomi dalam bilik darjah. Menurutnyanya lagi, sistem pendidikan menerusi pembelajaran kolaboratif di negara-negara seperti Australia, Kanada, Britain, dan Amerika Syarikat terus pesat membangun dalam pelbagai bidang. Antaranya, bidang bahasa merentas kurikulum, psikolinguistik, perundingan kurikulum dan *Oracy*. Perkembangan dalam pembelajaran kolaboratif dilihat dapat membina kekuatan dari aspek emosi, mental dan sosial. Hal ini dikaitkan dengan penyertaan aktif dan komitmen yang jitu terhadap pembelajaran dalam situasi masyarakat yang memberi sokongan.

Memetik pandangan Smith dan MacGregor (1992), pembelajaran kolaboratif mementingkan pelibatan murid dalam sesebuah kumpulan yang boleh terdiri daripada dua orang atau lebih. Setiap murid dikehendaki memahami, menyelesaikan atau mencipta sesuatu produk. Aktiviti yang berpusatkan murid ini lebih mengutamakan penerokaan dan pengaplikasian murid terhadap sesuatu projek dan bukan semata-mata mengharapkan penerangan guru. Dalam hal ini, penglibatan setiap murid dalam aktiviti tersebut menunjukkan komitmen

murid untuk mengambil bahagian, kerjasama dalam pasukan atau dalam kumpulan kecil. Guru mencipta soalan, menimbulkan permasalahan terhadap sesuatu topik dan memberikan cabaran sebagai dorongan kepada murid untuk melakukan aktiviti dalam kumpulan. Menurut Silberman (2006), kejayaan dalam pembelajaran kolaboratif dapat dicapai menerusi lima elemen penting iaitu, (i) *Positive Interdependence* (Kebergantungan Positif), (ii) Verbal, Face to Face Interaction (Interaksi Bersemuka), (iii) *Individual Accountability* (Akauntabiliti Individu) (iv) *Social Skills* (Kemahiran Sosial) dan (v) *Group Processing* (Perkembangan dalam Kelompok). Dalam melaksanakan pembelajaran secara kolaboratif ini, pelajar digalakkan untuk menyumbangkan contoh, mengaitkan pengalaman diri sendiri dan membuat perbincangan terhadap bahan yang dikemukakan. Perbincangan dan penjelasan oleh murid dapat dilaksanakan ketika proses PdPc. Hal ini turut merangkumi penghasilan dan penilaian terhadap fakta dan bukti sokongan. Murid juga diharapkan agar bertanya kepada guru atau menjawab soalan guru. Sesi PdPc yang kreatif dan realiti harus dicituskan sebagai cara menguji pemikiran murid yang produktif di samping mengenal pasti potensi murid terhadap kefahaman mereka dalam sesuatu topik pembelajaran. Rentetan itu, untuk melaksanakan pembelajaran secara kolaboratif, Reid (2004) menetapkan lima fasa yakni, *engagement* (penglibatan), *exploration* (eksplorasi), *transformation* (transformasi), *presentation* (pembentangan) dan *reflection* (refleksi).

Dalam fasa pelibatan ini, murid mendapatkan maklumat melalui pertemuan dalam kumpulan. Pelbagai input diberikan dengan cara penerangan guru, membaca, sumber media dan banyak lagi. Manakala, pada fasa eksplorasi atau penerokaan ini pula, murid mempunyai peluang awal dengan meneroka untuk mendapatkan sesuatu maklumat. Murid boleh membuat pertimbangan berdasarkan pengalaman lalu dan bersedia untuk menanggapi maklumat yang sangat baharu untuk mereka. Murid juga diberikan kebebasan untuk berfikir dan bersuara lantang, membuat kesilapan atau tidak memahami sepenuhnya terhadap sesuatu topik yang diketengahkan dalam proses PdPc.


Menerusi fasa ketiga pula iaitu transformasi, murid diminta untuk membincangkan maklumat untuk mendapatkan pemahaman secara mendalam. Dalam fasa ini, guru bertindak untuk memantau

pembelajaran mereka dari semasa ke semasa untuk menangani kesalahan tanggapan atau membantu murid memberikan maklumat tambahan. Dalam fasa keempat, yakni fasa pembentangan, murid diminta untuk membentangkan hasil tugas mereka di hadapan rakan-rakan lain. Sesi pembentangan ini boleh dilaksanakan dalam kalangan ahli kumpulan atau secara keseluruhannya dalam kelas. Fasa terakhir (refleksi) pula, murid berupaya mendapatkan pemahaman yang mendalam terhadap sesi kandungan pembelajaran setelah meneliti kembali topik yang dipelajari sepanjang proses PdPc.

Model pembelajaran Reid (2004) telah dijadikan sebagai panduan asal untuk membina kerangka konseptual baharu yang diubah suai iaitu Model MoPIK yang diintegrasikan dengan Rangka Kerja Gradual Release of Responsibility Instructional (GRRF). Kelima-lima fasa dalam Model Pembelajaran Reid ini diuraikan dalam bahagian dapatan dan perbincangan.

Gradual Release of Responsibility Instructional Framework (GRRF)

Rangka Kerja GRRF ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat memandangkan tahap kognitif murid akan berubah secara perlahan-lahan. Bermula daripada pengajaran guru yang kemudiannya berubah kepada tanggungjawab bersama antara guru dengan murid. Seterusnya, pembelajaran tersebut berubah menjadi satu amalan dan bebas dilakukan oleh murid. Menariknya, model ini merupakan satu sistem persediaan ke arah menyediakan murid memikul tanggungjawab dalam proses pembelajaran dan tidak lagi bergantung pada guru sepenuhnya (Fisher & Frey 2013). Memetik pandangan Buehl (2005) dalam Terry Heick (2021) menyatakan kepentingan rangka kerja GRRF ini apabila guru bertindak sebagai pemudah cara dengan memberikan bimbingan menjadi seorang pemikir dan berkeupayaan apabila mampu melaksanakan tugas sungguhpun mereka belum mencapai kepakaran.



RAJAH 1. Dipetik dan diubahsuai daripada Rangka Kerja Gradual Release of Responsibility (GRRF), Fisher & Frey (2008).

Berdasarkan Rajah 1, Fisher dan Frey (2011) menyatakan pandangan bahawa, terdapat empat komponen dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui rangka kerja ini. Pertamanya, Pembelajaran Berfokus atau *Focus Lesson*. Dalam bahagian ini, guru akan memfokuskan objektif PdPc dan teladan pemikirannya. Dalam konteks ini, guru akan memberikan arahan secara berfokus apabila sesuatu konsep baharu atau kemahiran diperkenalkan kepada murid-murid. Elemen pengajaran berfokus ini termasuklah mewujudkan objektif, model pengajaran atau simulasi, dan guru berfikir secara mendalam.


Kedua, Pengajaran Berpandu atau *Guided Instruction*. Bahagian kedua ini pula menumpukan arahan berpandu oleh guru dengan cara bersoal jawab, menggesa dan memberikan petua kepada murid agar sentiasa mencambahkan pemikiran tentang topik yang dibincangkan. Cara pengajaran yang terarah, menggunakan model pengajaran dan pemikiran yang lantang dapat menyediakan peluang kepada murid untuk meneroka pengetahuan baharu. Namun begitu, pembelajaran tersebut hanya akan berkembang apabila murid-murid mencubanya secara tersendiri. Proses pembelajaran murid dianggap agak kritikal pada tahap ini yang membolehkan guru dapat meneliti sejauh mana kefahaman mereka dan mengetahui perkara yang belum diketahui.

Ketiga, pembelajaran kolaboratif atau *Collaborative Work*. Pada peringkat ini, murid-murid akan bekerjasama, menggunakan bahasa akademik untuk menyelesaikan tugas yang diamanahkan oleh guru mereka. Dalam membincangkan perkara ini secara rinci, bentuk tugas yang dikendalikan oleh guru menentukan pembelajaran tersebut berlaku secara menyeluruh atau sebaliknya. Sekiranya sesuatu tugas itu hanya memerlukan sedikit pelibatan antara murid berbanding jika dibahagikan dalam sesuatu kumpulan, maka hasil tugas

tersebut tidak akan mencapai pemikiran baharu. Hal ini dikatakan sebagai satu bentuk peniruan yang sudah diketahui. Lebih-lebih lagi, jika empat meja dalam bilik darjah disatukan juga tidak akan menentukan pembelajaran kolaboratif berlaku. Dalam memastikan pembelajaran kolaboratif berlaku, sumbangan semua ahli kumpulan amatlah dipentingkan yang juga dipanggil sebagai saling bergantung (Johnson dan Smith 1991).

Keempat, pembelajaran sendiri atau *Independent Learning*. Pada bahagian keempat ini, murid-murid mempunyai kebebasan untuk belajar dengan mengaplikasikan perkara yang telah dipelajari secara individu. Sebagaimana pembelajaran kolaboratif, reka bentuk pembelajaran sendiri ini juga harus dilaksanakan oleh guru secara berwaspada. Untuk memastikan pembelajaran sendiri ini berjaya dilaksanakan sama ada untuk tujuan membaca atau menulis, empat matlamat ini harus diberikan pertimbangan yang wajar, iaitu (i) membina kefasihan untuk mempraktikkan kemahiran yang telah dipelajari dan diperbaiki melalui amalan, (ii) menyemak lingkaran terhadap apa-apa yang dipelajari sebelumnya agar pengetahuan sedia ada itu dapat dihubungkan dalam pelajaran akan datang, (iii) aplikasi kemahiran dan konsep dengan cara mengaitkan latar belakang pengetahuan sedia ada dan ilmu baharu dan (iv) pertautan untuk mendalami pengetahuan seseorang tentang sesuatu topik (Fisher dan Frey 2013).

Berdasarkan penelitian terhadap kepentingan model pembelajaran kolaboratif dan rangka kerja GRRF ini, maka terhasillah integrasi kedua-dua model tersebut sebagai kerangka konseptual baharu kajian ini untuk melaksanakan aktiviti kemahiran menulis kepada para murid. Kerangka konseptual yang diubahsuai dan diperbaharui ini dapat dikenali sebagai Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK 2023).



RAJAH 2. Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK) oleh Vijayaletchumy Subramaniam dan Richard Ignacy (2023).

Berlandaskan Rajah 2, Model MoPIK ini dapat dijadikan sebagai kerangka konseptual dan panduan baharu dalam melaksanakan kaedah UMIBaKaP dan alat bantu mengajar Fail QR KFC RIMa²Na PAPK yang direka khas untuk para murid dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Melayu. Dalam hal ini, pelaksanaan strategi pengajaran guru menggunakan hasil integrasi kerangka konseptual ini dapat memberikan bimbingan kepada guru-guru agar melaksanakan PdPc yang lebih terancang, inovatif dan berpusatkan murid. Aktiviti

pengajaran guru dilaksanakan melalui model pembelajaran kolaboratif yang mencakupi lima fasa. Guru bertindak sebagai pemudah cara bermula dengan pengajaran berfokus sehingga murid dapat melakukan dengan sendiri (pembelajaran sendiri atau *independent learning*). Model MoPIK ini suatu pembaharuan dengan menekankan pembelajaran kolaboratif yang dijalankan dalam bilik darjah perlulah seiring dengan pembelajaran sendiri seperti yang ditekankan dalam rangka kerja GRRF. Sehubungan dengan itu, kedua-dua strategi

pengajaran kedua iaitu, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran sendiri yang dijalankan, akan berlakulah pembelajaran berasaskan khidmat yang menggarapkan ilmu, keterampilan diri dan nilai-nilai murni yang diterima melalui proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru di bilik darjah.

Service Learning atau pembelajaran berasaskan khidmat dapat dijadikan sebagai nilai tambah dalam kerangka baharu ini apabila setiap murid dapat menggarapkan ilmu secara teori kepada situasi yang lebih praktikal. Dalam hal ini, pandangan Mazuki Mohd Yazim (2011) bahawa kaedah cakap dan tulis tidak lagi relevan dalam perkembangan minda kerana tidak memberikan kesan yang optimum dari aspek psikomotor, afektif dan kognitif murid. Maka, pembelajaran berasaskan khidmat dilihat sebagai proses kepada murid mempelajari sesuatu teori baharu (kaedah UMIBaKaP dan bahan bantu mengajar Fail QR RIMa²Na PAPK) yang dihubungkan secara praktikal agar dapat diaplikasikan dalam kemahiran menulis. Selain itu, pembelajaran secara

khidmat ini juga berpusatkan murid, pelibatan murid dalam melaksanakan khidmat serta refleksi pembelajaran melalui gabungan ilmu, keterampilan dan nilai menerusi pengalaman yang diperoleh secara langsung sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

KEBOLEGUNAAN MODEL MOPIK DALAM MELAKSANAKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN JENIS PERBINCANGAN BAHASA MELAYU PERINGKAT SPM

Pengkaji memperoleh data berhubung penilaian komponen utama model MoPIK dengan cara mengedarkan borang soal selidik yang menggunakan skala Likert kepada para responden. Berikut merupakan soalan yang dikemukakan dalam soal selidik tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3:

JADUAL 3. Soalan Pengukuran Kebolegunaan Komponen Utama dalam Model MoPIK

Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan YBhg Prof/Prof.Madya/Dr/Tuan/Puan, sila nyatakan maklum balas dengan menandakan (/) pada setiap item berdasarkan skala berikut:								
Bil	Skala	Sangat Sangat Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Sangat Sangat Setuju
1	1-7	1	2	3	4	5	6	7
Adakah YBhg Prof/Prof.Madya/Dr/Tuan/Puan <i>KOMPONEN UTAMA</i> yang disenaraikan di bawah menjadi komponen dalam Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK)?								
		Skala						
	Komponen Utama	1	2	3	4	5	6	7
1	Matlamat Model MoPIK							
2	Elemen kebaharuan dalam Model MoPIK							
3	Penerapan Model MoPIK dalam pengajaran guru							

Berlandaskan Jadual 3, nilai skor daripada setiap komponen yang dinilai oleh responden akan menerima nilai persetujuan dan kesesuaiannya. Proses berikutnya, nilai skor tersebut akan ditukarkan ke dalam bentuk peratus. Peratusan

tersebut akan menentukan sama ada setiap komponen utama yang diukur diterima atau sebaliknya. Berikut dipaparkan skor (data) untuk melihat penilaian kebolegunaan komponen utama Model MoPIK.

JADUAL 4. Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Model MoPIK

Bil	Komponen Utama	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	%	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1	Matlamat Model MoPIK	32	33	33	98	93.3	Sesuai
2	Elemen kebaharuan dalam Model MoPIK	29	32	33	94	89.5	Sesuai
3	Penerapan Model MoPIK dalam pengajaran guru	29	33	34	96	91.4	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan melebihi 70%

Jika diteliti pada Jadual 4, nilai skor untuk komponen matlamat Model MoPIK melebihi 70% seperti yang dapat dilihat adalah sebanyak 98 dengan nilai peratusnya sebanyak 93.3%. Sementara itu, jumlah skor untuk komponen yang kedua pula yakni, elemen kebaharuan dalam model MoPIK pula menunjukkan nilai skornya sebanyak 89.5 dengan peratusnya sebanyak 89.5%. Komponen ketiga iaitu penerapan model MoPIK dalam pengajaran guru pula menunjukkan nilai skornya sebanyak 91.4 dengan peratusnya sebanyak 91.4%.

Secara ringkasnya, dapatan kajian ini cukup jelas bahawa, setiap komponen dalam model MoPIK ternyata sesuai dan dapat diaplikasikan oleh guru sebagai panduan dan strategi pelaksanaan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, Chu dan Hwang (2008) dan Murray dan Hammons (1995) berpendapat bahawa, setiap item yang dikemukakan mencapai persepakatan pakar seandainya peratus untuk setiap komponen tersebut adalah sama atau melebihi 75%. Sejalan dengan itu, komponen yang diukur daripada model MoPIK oleh setiap responden mendapat persetujuan dan mencapai status bahawa model ini sesuai digunakan.

MENGENALI KAEDAH UMIBaKaP

Kaedah UMIBaKaP merupakan akronim kepada, (i) U – Ungkapan menarik, (ii) M- Mengapa, (iii) I- Idea, (iv) Ba – Bagaimana, (v) Ka- Kesan dan (vi) P- Penegasan. Kaedah ini merupakan satu bentuk penulisan baharu bagi membantu para murid meningkatkan aspek penulisan mereka yang lebih cemerlang dan matang. Kaedah ini dapat diterapkan dalam keseluruhan karangan termasuklah dalam perenggan pendahuluan, isi dan penutup. Karangan jenis perbincangan diberikan fokus utama dalam

kemahiran menulis ini yang merupakan soalan popular yang dikemukakan dalam Kertas 1 Bahasa Melayu (Bahagian B). Bahagian karangan respons terbuka ini memperuntukkan 70 markah. Oleh itu, bahagian karangan ini wajar diberikan pendedahan kepada murid agar potensi mereka dalam kemahiran menulis dapat dicungkil dan tidak terbatas kepada satu teknik penulisan yang sudah lama digunakan oleh para guru.

ALAT BANTU MENGAJAR FAIL QR KFC RIMa²Na PAPK

Bahan bantu mengajar ini merupakan alat sokongan untuk mengaplikasikan kaedah UMIBaKaP. Alat bantu mengajar ini menghimpunkan sejumlah ungkapan menarik seperti peribahasa, pepatah Melayu, petikan hadis al-Quran, ayat pendapat tokoh dan sebagainya yang disusun mengikut kehendak soalan (KFC – Kesan, Faktor, Cara) tema karangan (RIMa²Na- Remaja, Ibu Bapa, Masyarakat, Media Massa dan Negara) dan domain karangan (PAPK- Peribadi, Awam, Pendidikan dan Kerjaya). Ketiga-tiga aspek ini disusun dan dimasukkan ungkapan menarik tersebut agar murid mudah mencari ungkapan menarik yang sesuai untuk dipilih dan digunakan dalam karangan. Fail tersebut juga boleh direka secara fizikal dan digunakan secara manual. Seiring dengan perkembangan PAK 21, alat bantu mengajar ini dihasilkan dalam bentuk Kod QR. Para murid dapat mengakses Fail QR KFC RIMa²Na PAPK pada setiap masa dengan menggunakan telefon pintar. Guru-guru juga boleh membimbing para murid untuk menghasilkan bahan bantu mengajar secara sendiri untuk kegunaan secara peribadi. Amalan membaca para murid juga dapat ditingkatkan di samping menghasilkan alat bantu mengajar yang tidak memerlukan sebarang kos.

KEBAHARUAN KERANGKA KONSEPTUAL
UNTUK MENINGKATKAN STRATEGI
PENGAJARAN GURU DALAM PENULISAN
KARANGAN

PROSEDUR PELAKSANAAN MODEL MoPIK

Fasa Pertama – Pelibatan

Guru menerangkan secara jelas tentang kaedah UMIBaKaP. Kaedah ini dimulakan dengan penggunaan ungkapan menarik. Maka, alat bantu mengajar Fail QR KFC RIMa²Na P APK digunakan oleh para murid untuk mendapatkan koleksi ungkapan menarik yang sesuai digunakan dalam karangan. Dalam hal ini, tugas karangan diberi kepada para murid mengikut aktiviti kumpulan. Lima kumpulan dibentuk dan diarahkan untuk menghasilkan satu perenggan sahaja. Contohnya,

1. kumpulan satu – menghasilkan perenggan pendahuluan
2. kumpulan dua – menghasilkan perenggan isi pertama
3. kumpulan tiga – menghasilkan perenggan isi kedua
4. kumpulan empat – menghasilkan perenggan isi ketiga
5. kumpulan lima – menghasilkan perenggan penutup

Apabila tujuan dan objektif pengajaran telah ditetapkan, pembelajaran secara berfokus (Fisher dan Frey 2013) akan berlaku.

Fasa Kedua – Eksplorasi

Dalam fasa ini, guru menerapkan pengajaran berpandu dengan mengungkit pelbagai persoalan yang berkaitan dengan tugas. Para murid juga diberikan tugas dan diminta untuk mengeluarkan idea masing-masing untuk dibincangkan. Setiap kumpulan juga dikehendaki menghasilkan rangka karangan mengikut kaedah UMIBaKaP dalam bentuk peta minda. Masing-masing perlu memainkan peranan agar tidak timbul sebarang isu seperti tiada pelibatan murid dalam sesi perbincangan. Guru bertindak memastikan kawalan disiplin murid di samping membantu kumpulan murid yang mengalami kebuntuan.

Fasa Ketiga – Transformasi

Dalam bahagian ini, para murid dikehendaki membentuk ayat-ayat yang sesuai untuk dirangkum menjadi satu perenggan mengikut kaedah UMIBaKaP. Bagi membantu setiap kumpulan, guru menyediakan Lembaran Kerja (LK) yang mencakupi koleksi penanda wacana untuk digunakan dalam penulisan karangan. Guru juga perlu memastikan setiap kumpulan menghasilkan struktur ayat yang gramatis termasuklah memberi penekanan terhadap frasa, pemilihan istilah yang sesuai, ejaan yang betul dan tulisan yang kemas. Sebagai permulaan, guru boleh membentuk LK dalam bentuk jadual. Contohnya seperti berikut:

JADUAL 5. Lembaran Kerja (LK) Penanda Wacana

Kaedah	Penanda Wacana	Ayat
U- Ungkapan Menarik	Kata-kata tokoh terkenal iaitu, ada mengatakan bahawa,	Memilih ungkapan menarik
M- Mengapa	Sejajar dengan kata-kata tersebut,	Mengaitkan ungkapan menarik dengan tugas
I- Idea/Isi	Justeru,	Menulis idea secara keseluruhan
Ba- Bagaimana	Dalam hal ini,	Memberi contoh yang sesuai
Ka- Kesan	Implikasinya,	Menyatakan kesan (sama ada kesan baik atau buruk)
P- Penegasan	Oleh yang demikian,	Menutup perbincangan

Berdasarkan Jadual 5, guru hendaklah memastikan murid-murid menggunakan penanda wacana yang sesuai dalam setiap bahagian dalam karangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan penanda wacana yang sesuai juga menguji tahap kefahaman murid sama ada penanda wacana yang digunakan sesuai atau sebaliknya, mempunyai kesinambungan yang baik serta ditulis secara koheren atau kohesi. Para murid menghasilkan ayat mengikut LK penanda wacana dan kaedah UMIBaKaP mengikut PAK 21 seperti aktiviti *Round Table*.

Fasa Keempat – Persembahan

Hasil penulisan murid dalam bentuk LK Penanda Wacana dipaparkan di tempat kumpulan masing-masing. Aktiviti *Gallery Walk* boleh dilaksanakan oleh guru agar murid tidak menjadi pasif mengikut PdPc guru. Setiap kumpulan perlu memastikan ketua kumpulan membacakan hasil penulisan masing-masing. Pergerakan para murid dari satu kumpulan lain ke kumpulan lain adalah bertujuan untuk menilai hasil penulisan rakan murid dan memberikan komen menggunakan *memo stick*. Guru juga meneliti hasil persembahan murid dan mengemukakan cadangan jika perlu.

Fasa Kelima – Refleksi

Dalam fasa ini, guru bertindak dengan membuat penilaian secara menyeluruh dan mengemukakan cadangan penambahbaikan agar kualiti penulisan karangan menjadi lebih cemerlang dan matang. Sebagai aktiviti pengayaan, para murid diberikan tugas yang berbeza dan diminta untuk menghasilkan satu perenggan secara individu. Maka, berlakulah pembelajaran sendiri tanpa bergantung pada guru semata-mata. Para murid berusaha untuk menghasilkan satu perenggan karangan berdasarkan hasil aktiviti dan pembelajaran yang telah dijalankan pada hari tersebut secara sendiri (Fisher dan Frey 2013).

KESIMPULAN

Strategi pengajaran guru berpandukan Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK) merupakan satu panduan yang utuh dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis murid. Gabungan kedua-dua model pengajaran ini dapat mengubah gaya pengajaran guru yang bersifat menjejat

kurikulum dan berorientasikan peperiksaan. Hal ini amatlah penting kerana setiap proses pengajaran oleh guru seharusnya dapat menggamit hati murid untuk turut serta secara holistik dalam PdPc yang dijalankan. Guru-guru juga dapat menangani pengajaran yang menggunakan kaedah tradisional di bilik darjah. Pembelajaran yang berpusatkan murid ini dapat membentuk potensi murid secara konsisten dan bersifat praktikal. Para murid berpeluang untuk mencipta dan menghasilkan perenggan karangan secara sendiri yang berkualiti berpandukan kaedah penulisan baharu yang diterapkan iaitu kaedah UMIBaKaP. Penggunaan alat bantu mengajar menggunakan Kod QR juga akan memudahkan para murid untuk meningkatkan pengetahuan di samping menggalakkan penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dalam karangan. Perkembangan yang baik ini dapat meningkatkan kualiti dan prestasi dalam karangan sekali gus menambahkan keyakinan para murid untuk mendapatkan skor yang cemerlang dalam peperiksaan awam kelak.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan khas kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas tawaran biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Tanpa sokongan ini sudah tentu kajian pembangunan modul berteraskan kemahiran menulis tidak dapat dilaksanakan. Pada kesempatan ini, terima kasih juga kepada semua jabatan pendidikan di Malaysia, pejabat pendidikan daerah dan pegawai SISC + atas kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi.

RUJUKAN

- Aminul Razin, A.S & Subramaniam, V. 2019. Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan tamil berdasarkan teori analisis kesalahan corder (1973). *International Journal of The Malay World and Civilisation* 7(1): 3-13.
- Asmuti, W. 2002. *A Correlation between the vocabulary mastery and the writing ability of the second year of the SMUN 06 Students of Bengkulu*. Universitas Bengkulu.
- Baki, R. 2003. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Chu, H.C. & Hwang, G.J. 2008. A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications* 34: 2826-2840.
- Chye, Y.C & Subramaniam, V. 2012. Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh murid asing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(2): 667-692.

- Davidson, N. & Major, C.H. 2014. Boundary Crossings: Cooperative Learning, Collaborative Learning, and Problem-Based Learning. *Journal on Excellence in College Teaching* 25(3&4): 7-5.
- Devi, S. 2006. *Percampuran kod dalam Bahasa Melayu*. Diakses melalui: http://mptkl.tripod.com/rnd/devil_02a.htm.
- Diyana, R. 2023. Tak mahir membaca, menulis punca ramai gagal BM dan Sejarah, kata pakar. Free Malaysia Today. Retrieved from: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/21/tak-mahir-membaca-menulis-sebab-ramai-gagal-bm-dan-sejarah-kata-pakar/>.
- Emparan, A., Radhiah, R. & Baki, R. 2019. Meneroka penggunaan teknik flipped classroom dalam pengajaran kemahiran menulis. *International Journal of Education and Training (InJET)* 5(1): 1-8.
- Fadzilah, A.H. 2017. *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kooperatif berasaskan abad ke-21: Satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas*. Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Farah Adlina. 2019. Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(1): 33-46.
- Fisher, D. & Frey, N. 2008. *Better learning through structured teaching: a framework for the gradual release of responsibility*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).
- Fisher, D. & Frey, N. 2011. Engaging the adolescent learner: the first 20 days establishing productive group work in the classroom. *International Reading Association. (IRA) Essentials*: www.reading.org.
- Fisher, D. & Frey, N. 2013. Engaging the adolescent learner: gradual release of responsibility instructional framework. *IRA Essentials*, 1-8
- Hanum, N.Z. & Badusah, J. 2021. Teknik rangka karangan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu membantu penulisan murid Cina. *2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE)*. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Heick, T. 2021. The gradual release of responsibility model in 6 simple words. <https://www.teachthought.com/pedagogy/gradual-release-responsibility/>.
- Husaini, N.E. & Salleh, C.I. 2017. Kesalahan tatabahasa dalam pembelajaran bahasa kedua. *Jurnal Pertanika* 4(2): 273-284.
- Jamaluddin, N. (2023). *Trend dan perkembangan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Tinta Bahasa. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jamian, A.R. 2023. Penggunaan Bahan komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 11(1): 89 - 99.
- Jamian, A.R., Razali, N.N. & Othman, S. 2016. Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 39-45.
- Janan, D. 2023. *Pendekatan, Kaedah Dan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Aplikasi Teori Bronfenbrenner*. Tinta Bahasa. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jawi, E.B. & Wan Mohammad, W.M.R. 2021. Keberkesanan penggunaan kaedah pembelajaran think-pair-share dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bahasa melayu murid sekolah menengah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeffrey, A. & Nornis, S. 2021. Kerancuan bahasa dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal MANU* 31(2): 97-132.
- Johnson, D.W., Johnson, R.T. & Smith, K.A. 1991. *Active learning: Cooperation in the College Classroom*. Edina, MN: Interaction Book Company.
- Kassim, H.F. 2002. *Masalah Menulis Karangan di Kalangan Murid Tingkatan Empat: Satu Kajian Kes*. Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Pendidikan Prasekolah hingga Lepas-an*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Kupasan Mutu Jawapan SPM Tahun 2021 Bahasa Melayu 1101/1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2017. *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Malaysia Sijil Muridan Malaysia Tahun 2017*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2017. *Laporan Prestasi Bahasa Melayu SPM 2017*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2018. *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Malaysia*
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2018. *Laporan Prestasi Bahasa Melayu SPM 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2019. *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Malaysia Sijil Murid dan Malaysia Tahun 2019*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2019. *Laporan Prestasi Bahasa Melayu SPM 2019*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2020. *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Malaysia Sijil Muridan Malaysia Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2021. *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Malaysia Sijil Muridan Malaysia Tahun 2021*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mageswaran, U., Mahamod, Z., Mahad, I. & Nur Syuhada, I. 2021. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu tingkatan tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. Penerbit ICBE.
- Mahamod, Z. 2014. *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pendidikan*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mamat, S. 2009. *Keberkesanan Kaedah Kooperatif Dalam Pengajaran Menulis Karangan Fakta Dan Naratif Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu*. Tesis Master Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Maniam, M. & Ponniah, K. 2014. Pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran* 1(1): 54-63.

- Mat Awal, N., Abu Bakar, N. & Jalaluddin, N.H. 2012. Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: pengungkapan idea dalam penulisan murid sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu* 9: 227-240.
- Mohamed, H. 2016. Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan track changes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 13: 135-159.
- Mohd Yasim, M. 2011. Pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning). Dlm *Pendidikan Luar-Defnisi, Falsafah & Aplikasi*. ed. Md Amin Md Taff Tanjung. Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad, S.R. & Shari, S.N. 2020. Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dari aspek morfologi dalam penulisan karangan murid sekolah rendah. *International Social Science and Humanities Journal* 3(2): 77-89.
- Murray, T.J., Pipino, L.L. & Gigch, J.P. 1985. A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human System Management* 5(1): 76-80.
- Myles, J. 2002. Second language writing and research: the writing process and error analysis in student texts. *Test-Ej*. 6(2): 1-20.
- Nahar, N.A. 2020. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies* 19(1): 107-123.
- Nunan, D. 1989. *Designing Tasks For The Communicative Classroom*. Cambridge University Press.
- Osman, Z., Abu Hassan, S., Sarudin, A. & Mohamed Redzwan, H.F. 2022. Kesan pendekatan model STAD terhadap pencapaian karangan bahasa Melayu murid sekolah menengah berketurunan Cina di Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 10(1): 60-72.
- Vijayaletchumy Subramaniam* (Penulis koresponden)
Department of Malay Language
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor
Emel: vletchumy@upm.edu.my
- Richard Ignacy
Department of Malay Language
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor
Emel: rignacy82@gmail.com
- Rahmah Ahmad H. Osman
Department of Arabic and Malay Literature
International Islamic University Malaysia
Emel: rahmahao@iiu.edu.my
- Salmah Jan Noor Muhammad
Department of Malay Language
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor
Emel: salmahjan@upm.edu.my
- Pakhrurrazi, S. & Badusah, J. 2021. Tahap kesediaan guru melaksanakan teknik IMBaKUP dalam penulisan perenggan isi penting karangan murid sekolah menengah. *2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering*. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Peng, C.F. & Ali Jinah, N.A. 2020. Sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi think-pair-share dalam pengajaran kemahiran menulis guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 37-47.
- Peng, C.F. 2016. *Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raman, S, Zainal, M.Z. & Amzah, F. 2023. Kesediaan guru bahasa Melayu menengah rendah menjalankan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) penulisan karangan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan (E-Bangi)* 20(2): 60-73.
- Raofi, S., Binandeh, M. & Rahmani, S. 2017. an investigation into writing strategies and writing proficiency of university students. *Journal of Language Teaching and Research* 8(1): 191-198.
- Reid. 2004. Enhancing student thinking through collaboration learning. Sumber internet: (http://www.ed.gov/database/ERIC_Digest/)
- Sijil Muridan Malaysia Tahun 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Silberman. 2006. *Belajar Mandiri*. Surakarta: UNS Press.
- Smith, B.L. & MacGregor, J.T. 1992. What is collaborative learning? In *Collaborative Learning: A Sourcebook for Higher Education*, edited by A. Goodsell, M. Maher, & V. Tinto, 10-36. University Park, PA: National Centre on Post-Secondary Teaching, Learning, and Assessment.
- Suryasa, I.W., Sudipa, I.N., Puspani, I.A.M. & Netra, I.M. 2019. Translation procedure of happy emotion of English into Indonesian in kṛṣṇa text. *Journal of Language Teaching and Research* 10(4): 738-746
- Syed Ali, A.S., Mahmood, Z. & Mis, M.A. 2021. Masalah penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. *Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Konvensyen Bahasa Melayu 2021* Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur.
- Wan Ibrahim, W.K. & Othman, Z. 2021. Error analysis on the Malaysian students'. writing for ESL Classroom. *LSP International Journal* 8(2): 55-65.
- Weigle, S.C. 2007. Teaching writing teachers about assessment. *Journal of Second Language Writing* 16(3): 194-209.
- Yamirudeng, K & Osman, Z. 2018. Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran kursus bahasa Melayu elektif berdasarkan pendekatan pengajaran secara kontekstual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 6(1): 74-117.
- Yusfaiza, Y. & Mohd Isha, A. 2012. Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(2): 62-70.